

Perspektif Ibn Miskawayh dan al-Ghazali Mengenai Kebahagiaan

Perspective of Ibn Miskawayh and al-Ghazali on Happiness

Mohd Annas Shafiq Ayob^{a*}, Noor Syahida Md Soh^a, Mohd Norazri Mohamad Zaini^b

^a*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Pusat Asasi Uitm, Universiti Teknologi Mara, Cawangan Selangor, Kampus Dengkil, 43800, Dengkil, Selangor.*

^b*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara, Cawangan Selangor, Kampus Shah Alam, 40450, Shah Alam, Selangor.*

**Corresponding author: mohdannas0382@uitm.edu.my*

Article history

Received: 2020-05-04 Received in revised form: 2020-07-07 Accepted: 2021-01-18 Published online: 2021-02-28

Abstract

Happiness is one of the main topic that discuss in philosophy of ethics dominantly. The concept of happiness discussed from the beginning of philosophy discussion at the age of classical Greeks until it was discussed in Islamic civilization by several Islamic philosophers such as Ibn Miskawayh and al-Ghazali. Both were early Islamic philosophers who discussed the concept of systematic happiness in their writings such as Tahdhib al-Akhlaq and Kimiya al-Sa'adat. This article written to describe the concept of happiness according to Islamic philosophers such as Ibn Miskawayh and al-Ghazali. This article depends on content analysis methods the method of library research as its primary method of data collection and method of inductive and deductive as its data analysis. The discussion of happiness from the Islamic moral philosophy perspective as discussed by Ibn Miskawayh and al-Ghazali also identified some basic issues. such as the ultimate goal of human beings, the role of reason, the concept of moderation as well as a correlation of happiness with physical and spiritual aspects. Ibn Miskawayh and al-Ghazali had corrected a misunderstanding of the concept of happiness as supposed in general. Therefore, this article brings true understanding about happiness to societies about how to attain happiness in the right way.

Keywords: al-Ghazali, Ibn Miskawayh, happiness, reason, moral virtue

Abstrak

Kebahagiaan merupakan salah satu topik utama yang mendominasi wacana falsafah etika. Konsep kebahagiaan mula dibincangkan sejak munculnya perbincangan falsafah iaitu pada zaman Yunani klasik sehingga dibincangkan dalam tamadun Islam oleh beberapa ahli falsafah Islam seperti Ibn Miskawayh dan al-Ghazali. Mereka berdua merupakan ahli falsafah Islam terawal yang membincangkan konsep kebahagiaan secara sistematik dalam tulisan mereka seperti Tahdhib al-Akhlaq dan Kimiya al-Sa'adat. Justeru makalah ini ditulis bagi memerihalkan dan merungkai pemikiran kebahagiaan di antara ahli falsafah Islam iaitu Ibn Miskawayh dan al-Ghazali. Penelitian ini mengetengahkan metode analisis kandungan sebagai metode utama pengumpulan datanya dan metode induktif dan deduktif bagi penganalisisan data. Perbincangan kebahagiaan dalam falsafah akhlak Islam seperti yang dibincangkan oleh Ibn Miskawayh dan al-Ghazali telah menemukan beberapa asas persoalan seperti tujuan akhir manusia, peranan akal, konsep kesederhanaan dan hubungan kebahagiaan dengan aspek fizikal dan kerohanian. Ibn Miskawayh dan al-Ghazali telah membetulkan salah faham terhadap konsep kebahagiaan seperti yang disangkakan secara umum. Oleh itu, kajian ini diharap dapat memberi kefahaman mengenai konsep kebahagiaan dan cara mencapai kebahagiaan dengan benar.

Kata kunci: al-Ghazali, Ibn Miskawayh, kebahagiaan, akal, kebaikan moral

1.0 PENDAHULUAN

Topik yang menjadi tradisi perbincangan di dalam falsafah akhlak Islam adalah topik kebahagiaan. Hampir kesemua ahli falsafah Islam bersetuju bahawa kebahagiaan terkandung dalam kebaikan (al-khayr). Kebaikan yang dimaksudkan merupakan tujuan akhir dalam kehidupan semua manusia. Sepertimana kesihatan, kekayaan, wang, dan ilmu juga tergolong dalam aspek kebaikan dan memberi manfaat, namun sebenarnya kesemua kriteria tersebut bukanlah pengakhiran dalam hidup melainkan untuk mencapai sesuatu perkara yang lain disebut sebagai kebahagiaan dan menjadi matlamat tertinggi pendidikan akhlak (Nasir, 2003). Ibn Miskawayh dan al-Ghazali merupakan antara ahli falsafah akhlak Islam yang terawal membincangkan konsep kebahagiaan secara sistematik. Ibn Miskawayh membincangkan kebahagiaan dalam Tahdhib al-Akhlaq, manakala al-Ghazali turut menyentuh mengenai aspek kebahagiaan dalam Ihya' Ulumuddin, Kimiya al-Sa'adat dan Mizan al-Amal. Kebanyakan perbincangan ahli falsafah Islam khususnya dalam bidang akhlak sepenuhnya berbentuk teologikal, iaitu menghubungkan perbincangan kebahagiaan dengan agama (Ansari, 1964). Makalah ini bertujuan untuk merungkai dan menganalisis konsep kebahagiaan oleh Ibn Miskawayh dan al-Ghazali. Kebahagiaan bersifat kejiwaan dan maknawi, sesuatu yang tak dapat dilihat oleh mata dan dihitungkan oleh angka, tetapi hanya dapat dikecapi oleh jiwa. Oleh yang demikian, wujudnya pandangan bagi Ibn Miskawayh dan al-Ghazali mengenai makna dan cara mencapai kebahagiaan.

2.0 SOROTAN KAJIAN KEBAHAGIAAN

Penyelidikan mengenai kebahagiaan masa kini terutamanya analisis kebahagiaan dua tokoh ahli falsafah akhlak Islam iaitu Ibn Miskawayh dengan al-Ghazali masih belum meluas. Walaupun kajian secara terperinci mengenai konsep kebahagiaan Ibn Miskawayh dan al-Ghazali banyak dihasilkan, namun begitu kajian analisis yang menyentuh dan membincangkan mengenai konsep kebahagiaan kedua tokoh tersebut dihasilkan secara berasingan. Terdapat kajian yang menggabungkan pemikiran Ibn Miskawayh dan al-Ghazali seperti gabungan Zulfahmi Syamsuddin dan Wan Hasmah Wan Mamat dalam Perbandingan Pemikiran Konsep Akhlak al-Ghazali Dan Ibn Miskawayh Dalam Aspek Intelek (2014) membahaskan aspek intelek dan hubungannya secara umum dengan keutamaan, kebaikan, dan kesempurnaan. Kajian perbandingan lain seperti R. Rania Shah (2015), perbincangan perbandingan hanya mengambil kira konsep kebahagiaan di antara tokoh Barat iaitu St. Aquinas dan al-Ghazali. Manakala kajian terdahulu kebahagiaan secara berasingan seperti Mohd Nasir Omar di dalam beberapa artikelnya seperti Islamic Social Ethics: An Analysis of Miskawayh's Thought (2016) membincangkan bagaimana mencapai kebahagiaan menurut Ibn Miskawayh. Selain itu, Mohd Nasir Omar (2018) dalam The Soul (al-Nafs) and Its Effects On Character: An Analysis of the Thought of the Great Muslim Moralist, Miskawayh (D.1030) turut membincangkan mengenai peranan jiwa manusia dalam membentuk kebahagiaan. Penulisan Muhammad Abul Quasem dalam Al-Gazali's Conception of Happiness (1975) memberi penekanan khusus berkenaan makna dan cara untuk kebahagiaan menurut al-Ghazali. Menurut kajian beliau, al-Ghazali menekankan pencapaian aspek kebahagiaan rohani yang ditunjangi oleh ajaran agama. Perbincangan beberapa kajian menunjukkan Ibn Miskawayh dan al-Ghazali kerap membincangkan konsep kebahagiaan kerana kebahagiaan merupakan pencapaian penting dalam kehidupan manusia.

3.0 METODOLOGI

Kajian tekstual digunakan dengan pengumpulan data bersumberkan karya Ibn Miskawayh dan al-Ghazali yang menjadi sumber primer dan sekunder serta rujukan utama perbincangan berkenaan konsep pertengahan. Pengumpulan data utama melalui analisis dokumen berkaitan serta

mengkaji konsep kebahagiaan menurut Ibn Miskawayh dan al-Ghazali menerusi sumber primer seperti Kimiya al-Saadat, Ihya' Ulum al-Din serta Tahdhib al-Akhlaq dan sumber sekunder yang lainnya. Semua karya tersebut di analisis secara mendalam. Analisis data pula dilakukan secara interpretasi, induktif dan deduktif bagi memperjelas rumusan aspek kebahagiaan. Proses interpretasi adalah melalui pemahaman dan perbandingan pandangan kebahagiaan kedua tokoh tersebut. Seterusnya, hasil interpretasi dirumuskan melalui proses induktif dan deduktif bagi memperjelas konsep kebahagiaan yang dibincangkan oleh kedua tokoh tersebut. Hasil intipati melihat aspek elemen persamaan dan perbezaan pemikiran kebahagiaan menurut Ibn Miskawayh dan al-Ghazali. Elemen atau unsur yang terpenting untuk mencapai kebahagiaan ialah akal dan jiwa serta hubungan kebaikan iaitu kesederhanaan dengan kebahagiaan menurut kedua tokoh tersebut.

4.0 MAKNA DAN TUJUAN AKHIR KEBAHAGIAAN

Menurut Ibn Miskawayh, kebahagiaan adalah hasil manifestasi yang terkandung melalui perbuatan kemanusiaan yang benar dengan penuh rasa kecerdasan dan ketajaman akal (Ibn Miskawayh, 1968). Ibn Miskawayh turut menyatakan kebahagiaan kadangkala disangka wujud pada makhluk yang tidak mempunyai akal seperti haiwan. Namun jika kebahagiaan yang dikatakan dapat dirasai oleh haiwan, perkara tersebut tidak lebih dari sekadar kemampuan haiwan tersebut untuk melakukan sesuatu perkara (Ibn Miskawayh, 1977). Ini dapat dilihat menerusi pemerhatian terhadap tingkah laku haiwan seperti makan, minum dan rehat. Justeru pencapaian tersebut sebenarnya tidak sinonim dengan kebahagiaan dan tidak boleh dianggap sebagai kebahagiaan.

Seterusnya, Ibn Miskawayh berpandangan kebahagiaan merupakan cetusan dari hati dan jiwa yang bersih. Seseorang tidak akan dapat mencapai kebahagiaan yang sempurna tanpa mempelajari hikmah dan falsafah iaitu ilmu pengetahuan. Menurut beliau, tiada jalan pintas untuk mencapai kebahagiaan secara teori dan amali. Tujuan utama Ibn Miskawayh menulis mengenai kebahagiaan hanyalah untuk membincangkan kebahagiaan yang tertinggi dan menerangkan mengenai falsafah akhlak yang sebenar. Harapan beliau agar perbincangan tersebut dapat menghasilkan jiwa yang bersih dan bersedia untuk memahami dan mencapai tujuan tertinggi ini (Ansari, 1963). Ibn Miskawayh begitu menekankan ilmu pengetahuan yang benar bagi membentuk hati dan jiwa yang bersih, secara tak langsung kebahagiaan akan dapat dikecapi.

Jika Ibn Miskawayh melihat kepentingan pengetahuan bagi membentuk hati dan jiwa yang bersih, al-Ghazali pula terlebih dahulu menekankan bahawa seseorang mestilah mengenal diri sendiri. Persoalan-persoalan bagi jawapan seperti dari mana manusia datang, ke mana manusia pergi dan apa tujuan hidup manusia haruslah diketahui bagi menjawab persoalan kebahagiaan. Menurut beliau, walaupun manusia terdiri dari sifat binatang, sifat syaitan dan sifat malaikat, namun hanya manusia yang berupaya merasai kebahagiaan. Seseorang perlu sedar bahawa manusia merupakan makhluk istimewa yang mempunyai potensi rasional iaitu akal dan merasai wujudnya dua elemen penting bagi manusia iaitu jasad dan ruh atau hati (al-Ghazali, 2001). Hubungan yang dapat dilihat antara Ibn Miskawayh dan al-Ghazali ialah kebahagiaan itu bermula dari mengenal dirinya sendiri, dengan cara mempelajari pengetahuan akhirnya dapat mencapai hati dan jiwa yang bersih.

Selain itu, kebahagiaan sangat sinonim dengan kebaikan (al-khayr) menurut Ibn Miskawayh kerana kebahagiaan tidak akan dapat dicapai melainkan dengan kebaikan. Setiap manusia mempunyai pandangan yang berbeza mengenai kebaikan yang perlu dicapai dalam kehidupan. Perkara yang berfaedah dan bermanfaat seperti kesihatan, kekayaan, pembelajaran, dan bersikap baik juga dianggap sebagai perkara baik. (Ibn Miskawayh, 1977). Ibn Miskawayh menganggap kebahagiaan sebagai kebaikan terakhir dan tertinggi dan kebaikan yang penamat, namun bagi

Ernita (2018) kebaikan dalam kerangka Ibn Miskawayh tidak sama dengan kebahagiaan. Kebahagiaan bukan satu kebaikan namun kebaikan dicapai bagi mencapai kebahagiaan. Manakala al-Ghazali pula menyingkap tujuan kebaikan tertinggi dalam kehidupan manusia adalah kebahagiaan iaitu kebahagiaan di dunia dan kebahagiaan sejati di akhirat (al-Ghazali, 1968). Justeru, kebahagiaan yang dimaksudkan oleh Ibn Miskawayh dan al-Ghazali bukan semata-mata kebaikan, bahkan kebaikan tertinggi atau kebaikan yang sebaik-baiknya, dibantu faktor dalaman yang berkait dengan rohani dan faktor luaran yang berkaitan fizikal menuju kebahagiaan yang sejati di akhirat.

Bagi al-Ghazali sesetengah kebaikan dan kebahagiaan mempunyai kaitannya dengan jiwa (nafs), bersifat fizikal dan kebaikan luaran (al-Ghazali, 1968). Sebagai contoh pengetahuan, sains, hikmah dan keseluruhan subjek falsafah kerana subjek falsafah merupakan kebaikan yang bersifat spiritual. Selain itu kecantikan, kesihatan, dan sesetengah watak baik yang mempengaruhi jiwa serta faktor pengaruh luaran seperti sahabat, anak, kemegahan dan sebagainya adalah contoh yang bersifat fizikal (Nasir, 2003). Contoh tersebut boleh dilihat sebagai hujah bagi membuktikan kebahagiaan adalah kebaikan yang terakhir, dimana tidak ada lagi rasa atau kebaikan lain yang diperlukan selepas kebahagiaan. Justeru, pemahaman kebahagiaan bagi Ibn Miskawayh dan al-Ghazali bermula dengan mencari pengetahuan untuk membentuk hati dan jiwa yang bersih dengan tujuan mengenal diri, seterusnya memurnikan kebaikan yang tertinggi sebenarnya adalah kebahagiaan.

5.0 PERBINCANGAN

Pembahasan Ibn Miskawayh dan al-Ghazali menekankan beberapa perkara yang boleh membantu seseorang memahami dan mencapai kebahagiaan yang benar. Dalam penulisan Tahdhib al-Akhlaq, Ihya' Ulumuddin, Kimiya al-Sa'adat dan Mizan al-Amal, dapat dirumuskan perbincangan kebahagiaan bermula dengan memahami tujuan akhir kehidupan manusia, diteruskan dengan mengetahui fungsi akal sebagai unsur intelek dan kekuatan rohani iaitu jiwa, selepas itu perbincangan hubungan kebahagiaan dengan kesederhanaan, diakhiri dengan memahami hakikat kebahagiaan yang tertinggi iaitu al-sa'adah al-quswa bagi Ibn Miskawayh dan al-Ghazali menggambarkan kemuncak kebahagiaan sebagai al-sa'adah al-ukhrawiyyah dan ilm tariq al-akhirah.

5.1 Tujuan Akhir Kebahagiaan Menurut Ibn Miskawayh

Menurut Ibn Miskawayh banyak perkara baik kebiasaannya merupakan akhir signifikan perbuatan tersebut dan berakhir dengan perkara tersebut. Sebagai contoh, seseorang yang mengkehendaki kekayaan, maka beliau akan memperoleh kekayaan. Namun berbeza dengan kebahagiaan, tiap-tiap perkara kebaikan tersebut dilakukan adalah demi memenuhi satu perkara lain yang ingin dicapai iaitu kebahagiaan (Nasir, 2003). Kebahagiaan sudah tentu kebaikan yang bersifat pengakhiran. Ibn Miskawayh menerangkan setiap makhluk yang wujud mempunyai tujuan dan kebahagiaan merupakan satu tujuan yang bersifat menyeluruh. Persoalan mengenai kebaikan lain seperti keseronokan, wang, kekayaan, kehormatan dan kesihatan mempunyai hubungannya dengan kebahagiaan perlu difahami sebagai tujuan akhir (Ibn Miskawayh, 1977). Ibn Miskawayh menekankan bahawa tujuan akhir yang perlu difahami adalah kebahagiaan dan bukan perkara lain seperti keseronokan, wang, kekayaan, kehormatan atau kesihatan .

Dalam banyak perkara, keseronokan merupakan perkara yang dibincangkan secara mendalam oleh Ibn Miskawayh kerana keseronokan merupakan perkara yang mendominasi pemikiran manusia. Ramai manusia menganggapnya sebagai kebahagiaan. Justeru ramai manusia yang tertipu bahawa keseronokan merupakan kebahagiaan. Menurut Ibn Miskawayh keseronokan

tidak boleh dihubungkan dengan kebahagiaan kerana keseronokan tidak mengabsahkan kebahagiaan. Banyak perkara yang dilakukan bukan hanya bertujuan mencapai keseronokan semata-mata. Malah, keseronokan juga bersifat badani atau hanya dapat dirasai oleh bentuk fizikal dan tidak boleh dikaitkan dengan perkara yang bersifat rohani atau kejiwaan (Ansari, 1964). Justeru, jika kebahagiaan mempunyai hubungan dengan keseronokan, maka ia bermakna merendahkan taraf kebahagiaan, kerana hubungan itu seolah-olah meletakkan tempat rohani kepada jasmani, keadaan yang berkekalan kepada keadaan yang sementara, keadaan nyata kepada tidak nyata, dan kedudukan yang tinggi kepada kedudukan yang rendah (Ibn Miskawayh, 1977). Tiada tempat bagi keseronokan dalam kebahagiaan kerana keseronokan hanyalah berfungsi sebagai memberi nafas baru atau kelegaan bagi jasmani yang sudah letih kelesuan (Ansari, 1963).

Menurut Ibn Miskawayh lagi, keseronokan juga lebih bersifat kebinatangan berbanding sifat kemanusiaan. Keseronokan digambarkan sebagai satu yang bersifat negatif dengan hanya membuang rasa kesusahan dan kesakitan yang sementara. Seseorang tidak akan merasa seronok ketika makan dan minum kecuali setelah merasai kelaparan, setelah kenyang maka keseronokan dapat dirasai, namun rasa tersebut akan hilang apabila kembali lapar (Ibn Miskawayh, 1977). Oleh itu, tempoh keseronokan tidak akan dirasai secara berpanjangan dan selama-lamanya kerana akhirnya keseronokan dikhuatiri bertukar menjadi salah satu elemen negatif (Ansari, 1963). Kebahagiaan tidak boleh dihubungkan dengan perkara yang negatif. Sama seperti kesihatan, seseorang akan mengalami tempoh sakit dalam waktu tertentu, sudah tentu kesihatan bukan kebahagiaan. Manakala tempoh kebahagiaan adalah bersifat berpanjangan dan berkekalan.

Selain keseronokan, perkara lain yang disebutkan oleh Ibn Miskawayh ialah kehormatan, kekayaan dan kesihatan. Bagi beliau kehormatan tidak dapat dihubungkan dengan kebahagiaan kerana ia tidak memberi kesan yang mendalam. Melalui kehormatan, seseorang akan mendapat nama dan kemegahan. Kemegahan juga tidak boleh disamakan dengan kebahagiaan kerana kemegahan tidak memberikan apa-apa nilai malah boleh membawa kebinasaan (Ibn Miskawayh, 1977). Penghormatan yang diberikan secara berlebihan kepada seseorang manusia boleh menerbitkan rasa megah. Manakala kekayaan dan kesihatan hanyalah dicapai demi mencapai sesuatu disebalik kekayaan dan kesihatan itu sendiri. Bagi Ibn Miskawayh, kekayaan harta benda tidak mempengaruhi kebahagiaan manusia (Majid, 1994). Fokus kekayaan hanyalah untuk mendapatkan harta material seperti wang, rumah dan sebagainya, manakala kesihatan untuk mendapatkan tubuh fizikal yang kuat. Apa yang ditekankan oleh Ibn Miskawayh ialah kebahagiaan itu mestilah diraih dengan dua keutamaan, iaitu keutamaan yang bersifat rohani (fadhilah ruhaniyah) dan keutamaan yang bersifat jasmani (fadhilah jasmaniyah) (Ibn Miskawayh, 1977). Keseronokan, wang, kekayaan, kehormatan atau kesihatan hanyalah perkara yang bersifat jasmani (fadhilah jasmaniyah). Manusia yang hanya mencapai keutamaan yang bersifat jasmani hanya berada pada peringkat binatang. Dari sudut lain, jika manusia hanya mementingkan keutamaan yang bersifat rohani, maka kebahagiaannya pun tidak sempurna (Usep Mohamad Ishaq, 2020).

5.2 Tujuan Akhir Kebahagiaan Menurut al-Ghazali

Al-Ghazali menolak perkara yang dikatakan penyebab bahagia iaitu keseronokan, terlalu bekerja keras, keinginan terhadap makanan dan nafsu seks, kekayaan, barangan keperluan, serta kehormatan dan pengaruh. Setiap satunya dapat diterangkan sebagai berikut: (al-Ghazali, 1968)

- a) Keseronokan tidak kekal dan akan habis apabila manusia mati. Keseronokan tidak dapat menjamin kebahagiaan yang berkekalan.

- b) Kebanyakan pekerja seperti para pedagang dan petani yang bekerja keras percaya bahawa kehidupan ini hanya sekali, justeru tujuan hidup ini adalah untuk bekerja keras mencari rezeki dan menjadi rutin sehingga mati.
- c) Demi mengekalkan dan menikmati kebahagiaan, sesetengah manusia berkeinginan yang melampau terhadap makanan dan nafsu seks. Jika mereka lebih berpuas hati terhadap makanan dan seks, maka lebih tinggi kebahagiaan yang mereka kecap.
- d) Sesetengahnya menganggap kekayaan merupakan kebahagiaan. Semakin kaya seseorang itu, semakin bahagia seseorang itu.
- e) Sesetengah manusia percaya kebahagiaan terkandung dalam pemilikan harta-benda yang banyak seperti pakaian yang cantik, mahalnya kenderaan serta besarnya kediaman.
- f) Kehormatan, kemasyhuran dan pengaruh yang besar dalam masyarakat boleh mempengaruhi kebahagiaan namun hakikatnya ia tiada kaitan dengan kebahagiaan.

Al-Ghazali mengkritik gaya hidup hedonistik dan mereka yang menganggap tujuan kehidupan adalah untuk menikmati keseronokan iaitu ladda serta na'im. Keseronokan tidak boleh menjadi tujuan dalam hidup. Namun tidak semua keseronokan ditentang oleh beliau seperti keseronokan dalam menuntut ilmu pengetahuan, melakukan kebajikan, makanan, tempat tinggal dan pakaian. Sebagai contoh menuntut ilmu pengetahuan dan kebajikan adalah perkara yang terpuji. Ilmu pengetahuan atau hikmah sebagai keseronokan yang tertinggi yang dikurniakan oleh Allah SWT (al-Ghazali, 2001). Bagi al-Ghazali, ilmu pengetahuan merupakan penghubung untuk mencapai kebahagiaan yang lebih tinggi, bahkan kemuncak kebahagiaan yang tertinggi iaitu bertemu dengan Allah SWT dan mendekati diri kepadaNya (Usep Mohamad Ishaq, 2020). Makanan, tempat tinggal dan pakaian pula merupakan keperluan asasi manusia dengan mengambil sekadarnya sahaja tanpa berkeinginan yang melampau. Manusia akan lalai dan cuai jika terlalu menikmati keseronokan di dunia (Othman et al., 2017). Terdapat dua sebab keseronokan ditolak oleh al-Ghazali iaitu: (al-Ghazali, 1968)

- a) Keseronokan di dunia ini bersifat terhad serta terhenti apabila seseorang itu mati. Oleh yang demikian itu kehidupan dunia ini hanyalah sementara sahaja dan ia tidak menggambarkan keseronokan yang berpanjangan.
- b) Keseronokan di dunia ini selalunya bersifat negatif, tidak sempurna dan kebanyakannya terdiri dari elemen kejahatan.

Bagi al-Ghazali, kebahagiaan dunia yang terletak pada keseronokan, kemegahan, kekayaan dan kesihatan adalah bersifat kiasan semata-mata (al-Ghazali, 1964). Kiasan disini membawa maksud sementara, iaitu perkara tersebut juga tidak boleh membawa kebahagiaan secara berterusan jika hanya bergantung kepadanya semata-mata. Persoalan ini sememangnya telah dibincangkan oleh ahli falsafah terdahulu dan terdapat mereka yang berpandangan kebahagiaan merupakan hasil daripada keseronokan, kehormatan, kekayaan atau kesihatan. Sebagai contoh golongan falsafah Yunani klasik seperti Epicureanisme yang mencari keseronokan sebagai cara hidup untuk mencapai kebahagiaan. (Afridi, 2007). Aristotle menyatakan ramai yang menganggap keseronokan, kesenangan, kekayaan atau kehormatan sebagai kebahagiaan. Ketika seseorang sakit maka kesihatan adalah kebahagiaan, tetapi ketika dia miskin dia menganggap kebahagiaan itu adalah kekayaan. Namun kesemuanya bukanlah kebahagiaan yang sebenar (Aristotle, 1962).

5.3 Fungsi Akal Dan Jiwa

Perbincangan mengenai kebahagiaan tidak akan lengkap tanpa membicarakan mengenai akal dan jiwa kerana akal merupakan fungsi yang khusus ada pada manusia. Kedua-dua komponen tersebut sangat berkait dengan kebahagiaan. Misalnya, al-Ghazali dalam mencari pengetahuan dan pengenalan mengenai diri manusia perkara pertama yang harus difahami adalah jiwa. Keadilan digambarkan sebagai raja, jasad digambarkan sebagai kerajaan, manakala indera digambarkan sebagai tentera. Akal digambarkan sebagai perdana menteri, nafsu syahwat pula digambarkan sebagai petugas keamanan (al-Ghazali, 1968). Jiwa berfungsi untuk tidak membiarkan elemen-elemen yang rendah tahapnya daripada melebihi tahap di atasnya seperti nafsu syahwat yang berfungsi sebagai petugas keamanan melampaui akal yang bertugas seperti perdana menteri. Justeru, manusia boleh mencapai tahap tertinggi kedudukannya di antara makhluk-makhluk lainnya dengan keseimbangan jiwa. (Nasir, 2003).

Jika manusia tidak menuruti akal rasional, dengan melahirkan tingkah laku yang tidak baik, maka perbuatan atau tingkah laku tersebut sebenarnya lebih menghampiri ciri kebinatangan. Maka kebahagiaan tidak akan dapat dicapai. Justeru kebahagiaan merupakan kebaikan akhir dari keinginan manusia yang sebenar dan bukan kebaikan lain. Potensi akal yang terdapat pada manusia tidak boleh ditunda atau ditangguhkan jika mahu mencapai kebahagiaan. Menerusi kepentingan akal serta fungsi dan pembahagian jiwa, Ibn Miskawayh dan al-Ghazali mempunyai pandangannya yang tersendiri sebagai berikut:

5.3.1 Akal Menurut Ibn Miskawayh

Kebahagiaan yang dicapai oleh manusia bukan hanya bergantung semata-mata kepada kesempurnaan manusia dalam mempraktikkan fungsi tersendiri, namun untuk manusia menyempurnakan fungsi khusus tersebut bergantung kepada kesempurnaan akal. Akal, menurut Ibn Miskawayh, wujud dalam dua bentuk iaitu secara teoritikal dan praktikal. Teoritikal lebih berbentuk aktiviti berfikir, manakala praktikal berbentuk akal dalam perbuatan (Ibn Miskawayh, 1977). Justeru, bentuk yang pertama berhubung kait dengan keadaan berfikir serta benda yang berkait dengannya. Manakala bentuk yang kedua terarah kepada perasaan, emosi dan kawalan diri. Menurut Ibn Miskawayh akal dalam bentuk teoritikal merupakan akal dalam bentuk kesempurnaan yang tertinggi, manakala kesempurnaan emosional bagi bentuk akal praktikal.

Bagi memahami dan menjelaskan apa yang dibincangkan Ibn Miskawayh perlu melihat kembali kepada analogi yang diberikan oleh beliau. Sebagai contoh, kesempurnaan sebuah penukul, dapat mengetuk benda yang keras, tetapi kesempurnaan yang tertinggi adalah tugas penukul yang dapat menghasilkan sebarang cincin. Bagi seorang manusia, kesempurnaan seseorang terletak pada perbuatannya yang berpandukan akal, namun yang lebih sempurna adalah aktiviti yang berkait dengan berfikir, menaakul dan sebagainya (Ibn Miskawayh, 1977). Kebahagiaan tidak dapat dicapai selagi tidak menggabungkan kedua kesempurnaan tersebut iaitu kesempurnaan dari segi teoritikal dan praktikal.

5.3.2 Akal Menurut al-Ghazali

Menurut al-Ghazali akal merupakan anugerah Allah SWT kepada manusia, kerana keupayaan intelek tersebutlah yang membolehkan manusia berfikir secara rasional. Akal juga terbahagi kepada dua iaitu: (al-Ghazali, 1964)

- a) Akal naluri (gharizi) iaitu daya kekuatan yang bersedia menerima ilmu.

- b) Akal yang diusahakan (muktasab) iaitu akal yang dapat menghasilkan ilmu-ilmu dari arah yang tidak diketahui dan dari sumber yang diketahui melalui proses pembelajaran.

Justeru, daripada dua pembahagian tersebut dapat difahami tugas akal yang biasa terdiri dari akal yang percaya kepada perkara biasa dan menolak perkara abstrak. Di samping itu, tugas akal mena'akul dan menganalisis berdasarkan sebab-musabab adalah jenis akal yang sederhana serta berfikir secara ikhlas dan rasional menerusi panduan kekuatan iman dan akal.

Akal juga diumpamakan oleh al-Ghazali sebagai seorang doktor yang memberi nasihat dan petunjuk menuju kebaikan dan merupakan kekuatan yang termulia. Kebahagiaan dunia dan akhirat menurut beliau tidak akan dapat dicapai kecuali dengan akal (al-Ghazali, 1964). Kekuatan yang termulia bermaksud akal yang diberikan oleh Tuhan kepada manusia, dan dengan akal manusia ditugaskan dengan tugas kepimpinan untuk menjadi khalifah, iaitu manifestasi tugas manusia mencari kebahagiaan di dunia. Kesempurnaan teoritikal atau berfikir lebih bernilai dan padu berbanding kesempurnaan praktikal kerana keadaan berfikir itu sendiri. Akal sangat mempengaruhi akhlak kerana dengan akhlak manusia mencapai kebahagiaan (al-Shafi'i et al., 2018). Ini dapat dizahirkan dengan mempelajari pengetahuan seperti yang disebutkan dapat menzahirkan dan melahirkan kemuliaan akal. Justeru, pengetahuan merupakan satu nikmat dan kelazatan bagi akal (al-Ghazali, 1964). Dengan memaksimumkan penggunaan akal, maka kebahagiaan dapat dicari serta dapat dicapai.

5.3.3 Jiwa Menurut Ibn Miskawayh

Ibn Miskawayh mengaitkan jiwa (al-nafs) dengan kesederhanaan dan kebaikan atau keutamaan (al-fadha'il). Jiwa, merupakan salah satu unsur yang penting selain jasmani kerana jiwa merupakan asas untuk mendapatkan kebahagiaan, lebih-lebih lagi apabila seseorang mahu berhubungan dengan Tuhan (Radez, 2019). Seseorang yang bertingkah-laku dengan baik adalah hasil dari jiwa yang baik. Segala kebaikan tidak akan tercapai selagi jiwa manusia tidak dibersihkan dari segala kekotoran iaitu kejahatan (Ibn Miskawayh, 1977). Tingkah-laku (akhlak) adalah hasil jiwa seseorang yang memilih perbuatan yang tertentu. Keadaan jiwa yang baik dapat dicapai dengan keseimbangan tiga keadaan atau fakulti (al-quwwah) (Nasir, 2018).

Ibn Miskawayh membahagikan jiwa kepada tiga keadaan atau fakulti (al-quwwah). Setiap kategori fakulti mempunyai fungsi tersendiri dalam keadaan berfikir dan merenung kepada sesuatu realiti iaitu; fakulti yang memaparkan ekspresi perasaan seperti marah, keberanian dan sebagainya letaknya dalam fakulti marah (al-quwwah al-ghadhabiyah) yang berhubung dengan hati. Kedua fakulti yang menunjukkan keinginan manusia terhadap makanan dan pelbagai variasi keseronokan disebut sebagai fakulti syahwat (al-quwwah al-shahwiyyah) yang berhubung dengan hati (Ibn Miskawayh, 1977). Segala ekspresi atau tindakan yang wujud dalam kedua fakulti tersebut akan dikawal oleh fakulti yang tertinggi ialah fakulti rasional (al-quwwah al-natiqah) yang berhubung dengan otak.

Aktiviti jiwa sangat berhubung dengan kebaikan apabila jiwa menjalankan aktiviti dan fungsinya dengan betul maka kebaikan akan dapat dicapai (Ernita, 2018). Sebagai contoh, apabila jiwa mencari kebenaran, maka kebaikan akan dapat dicapai iaitu hikmah. Contoh yang lain, apabila fakulti syahwat berfungsi secara sederhana dan menuruti arahan dari fakulti rasional maka sifat kebaikan seperti murah hati dan keberanian dapat dicapai. Lantaran itu, ketiga fakulti yang saling berhubung antara satu sama lain dengan baik, berfungsi secara sempurna dan bersifat sederhana membuahkan kebaikan iaitu keadilan. (Ibn Miskawayh, 1977).

Menurut Ibn Miskawayh, jiwa merupakan satu bahagian yang berbentuk spiritual dan bersifat dalaman yang tidak dapat dirasakan dengan panca indera (Ibn Miskawayh, 1977). Al-natiqah berfungsi menerusi organ badan iaitu otak. Al-Natiqah menjadi pusat kebijaksanaan dan dengannya manusia dapat berfikir serta membezakan dan melihat hakikat sesuatu. Kedua, al-shahwiyyah, berfungsi menerusi hati. Ia mewujudkan nafsu serta keinginan terhadap kelazatan material seperti makan, minum, perkahwinan dan sebagainya. Ketiga, al-ghaḍabiyyah, berfungsi menerusi jantung. Ia menjadi pusat kemarahan, kemuliaan, kekuasaan serta keberanian (Ibn Miskawayh, 1977). Berbalik kepada maksud khuluk (jamak: akhlak) dalam Islam yang biasa ditafsirkan sebagai satu kedudukan dan keadaan dalam jiwa yang menentukan tingkah-laku perbuatan manusia (Nasir, 2003).

Ketiga-tiga fakulti tersebut sangat memainkan peranan penting dalam menghasilkan empat kebaikan utama iaitu hikmah (al-hikmah), melakukan keutamaan (al-‘iffah), keberanian (al-shaja’ah) dan keadilan (al-‘adalah). Kekuatan ketiga fakulti tersebut, jika berfungsi secara betul dan seimbang akan melahirkan keempat sifat kebaikan utama tersebut yang dapat dirangkumkan sebagai kebenaran. Akhirnya, lahir satu sikap kesederhanaan hasil dari keempat-empat keutamaan tersebut yang sangat berkait dengan kebahagiaan. Ini dapat dijelaskan seperti berikut: (Ibn Miskawayh, 1977)

- a) Jiwa rasional bersifat sederhana dan lebih terarah kepada usaha untuk memahami pengetahuan yang sebenar dan sejati secara tidak langsung membuahkan ilmu dan kebijaksanaan. Ini disebut sebagai al-hikmah.
- b) Apabila jiwa appetitif atau nafsu berfungsi secara teratur mengikut pengarahannya rasional, maka keutamaan terhadap pengawalan nafsu akan tercapai. Ini disebut sebagai al-‘iffah.
- c) Jiwa emosi yang berfungsi secara seimbang dan menuruti rasional, lantas wujudnya sifat keberanian (al-syaja’ah).
- d) Akhirnya, ketiga kebaikan utama tersebut digabungkan akan menzahirkan kebaikan dan keutamaan yang lebih unggul dan sempurna iaitu keadilan (al-‘adalah). Justeru keadilan merupakan kemuncak kesederhanaan bagi membolehkan seseorang memperoleh kebahagiaan.

5.3.4 Jiwa Menurut al-Ghazali

Menurut al-Ghazali, aktiviti jiwa sangat berkaitan dengan jasad, iaitu hubungan yang disifatkan oleh beliau seperti seorang penunggang kuda bersama kudanya. Penunggang kudalah yang mengendalikan kuda dan bukan sebaliknya kerana kuda hanya menjadi alat untuk mencapai tujuan. Ini bermaksud jasad merupakan alat kepada jiwa dan tujuan jasad hanya dihubungkan dengan jiwa (al-Ghazali, 1968) Dalam erti kata lain, kesederhanaan dicapai pada awalnya dari keadaan jiwa yang mengikuti keadaan akal rasional dan bersifat dengan sifat terpuji maka inilah hubungan di antara jiwa dalam menghasilkan tingkah-laku kebaikan menerusi jasad, seterusnya menjustifikasikan kebaikan sebagai kesederhanaan.

Manusia merupakan kombinasi di antara jiwa dan tubuh badan. Jiwa dan tubuh badan berlawanan antara satu sama lain dari sudut kualiti dan fungsi. Jiwa berbentuk spiritual, bersifat kekal hidup dan tidak mati, tidak boleh dicapai dengan fizikal dan tidak boleh dibahagikan. Manakala tubuh fizikal terdiri daripada kombinasi elemen benda, berbalik kepada ciptaan asalnya iaitu tanah. Walaupun manusia merupakan kombinasi jiwa dan tubuh, namun tubuh hanyalah sekadar alat instrumen sahaja (Ansari, 1964). Semua tindakan dan tingkah-laku fizikal merupakan manifestasi keadaan jiwa. Namun, kesan yang berlaku terhadap fizikal boleh memberikan kesan


secara langsung terhadap jiwa. Sebagai contoh, keadaan fizikal yang tidak sihat mungkin memberi kesan terhadap keseimbangan jiwa seperti sedih, kecewa dan sebagainya. Menurut al-Ghazali, fungsi tertinggi jiwa ialah berminat kepada kebenaran kerana dalam mencerap kebenaran tersebut jiwa boleh memberi kesenangan sendiri dan ketenteraman diri (al-Ghazali, 1964).

Terdapat sesetengah kebaikan yang bersifat rohani atau dipunyai oleh jiwa. Seperti pengetahuan, sains, hikmah dan keseluruhan subjek falsafah bersifat spiritual. Manakala sifat yang bertentangan dengan spiritual iaitu kebaikan bersifat fizikal seperti kecantikan, kesihatan, dan sesetengah karakter atau watak baik yang mempengaruhi jiwa adalah bersifat fizikal, dan faktor pengaruh luaran seperti sahabat, anak, kemegahan dan sebagainya. Kebaikan yang bersifat spiritual ini adalah kebaikan yang terbaik untuk mencapai kebahagiaan (Nasir, 2003). Setiap perilaku yang baik adalah hasil dari jiwa yang baik dan dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran dan dalaman.

5.4 Hubungan Kebahagiaan Dengan Kesederhanaan

Apabila jiwa seseorang yang terdiri daripada akal, hati dan keinginan dapat dikawal, maka kesederhanaan dapat dicapai. Hasilnya sifat yang utama seperti kebijaksanaan (al-hikmah), bersederhana dalam melakukan sesuatu (al-‘iffah), keberanian (al-shaja’ah) dan keadilan (al-‘adalah) (Wan Mohd Azam et.al, 2018). Manakala sifat yang bertentangan dengan kebaikan tersebut adalah kejahilan (al-jahl), tidak bersederhana (al-sharh), pengecut (al-jabn) dan tidak adil (al-jur). Daripada empat komponen utama tersebut, Ibn Miskawayh mengklasifikasikan banyak sifat kebaikan lain di bawah cabang utama tersebut seperti kecerdikan dan mudah mempelajari ilmu merupakan kebaikan yang terkandung dalam hikmah. Contoh lain kesantunan terkandung dalam al-‘iffah. Semangat yang kuat dan kesabaran terkandung dalam al-shaja’ah. Manakala persahabatan dan hubungan silaturrahim terkandung dalam keadilan. (Ibn Miskawayh, 1977).

Seterusnya, bagi memahami sifat kesederhanaan ini, Ibn Miskawayh memberi satu contoh ilustrasi sebuah bulatan seperti Rajah 1 di bawah. Titik tengah yang diletakkan di tengah bulatan yang jauh dengan garisan bulatan diumpamakan sebagai kesederhanaan. Jika titik tersebut diletakkan menghampiri garisan bulatan, maka titik tersebut tidak boleh dianggap sebagai seimbang (Ibn Miskawayh, 1977). Justeru, keseimbangan yang merupakan kesederhanaan tidak akan dapat dicapai jika menghampiri mana-mana kekurangan. Ibn Miskawayh menekankan kebaikan sebagai kesederhanaan kerana kebaikan terletak di antara keburukan dan sifat ekstrim yang jauh dari kebaikan.



Rajah 1 Gambaran titik tengah dan bulatan Ibn Miskawah

Ibn Miskawayh menekankan bahawa setiap kebaikan merupakan kesederhanaan, haruslah diketahui fungsi bagi setiap kebaikan seperti yang diketengahkan oleh beliau. Bagi memahami

kesederhanaan dan hubungannya dengan kebaikan, berikut merupakan beberapa contoh kebaikan yang ditampilkan dari kesederhanaan yang menjadi titik tengah kepada dua keburukan menurut Ibn Miskawayh: (Ibn Miskawayh, 1977)

- a) Hikmah; merupakan kesederhanaan di antara kebiadaban (al-safh) dan kebodohan (al-balh). Contoh sifat kebaikan lain di bawah hikmah ialah pengingatan (dhikr), merupakan kebaikan di antara sifat lupa (nisan), iaitu satu keadaan yang tidak sepatutnya lupa, dan perhatian (‘inayah), iaitu keadaan yang tidak sepatutnya menjadi perhatian.
- b) Keadilan; merupakan kesederhanaan di antara satu keadaan cuba menjadi adil antara diri sendiri dan orang lain. Mengembalikan satu benda yang berhak terhadap mereka yang di zalimi juga merupakan satu bentuk keadilan.
- c) Keberanian; merupakan kesederhanaan di antara rasa pengecut dan terburu-buru. Pengecut bererti perasaan takut yang tidak sepatutnya seseorang itu rasa takut, manakala terburu-buru adalah satu keadaan tergesa-gesa.

Keadaan yang bertentangan dengan keadilan ialah apabila seseorang memperoleh suatu benda atau posisi dengan sumber yang salah dan jalan yang tidak betul (zulm). Manakala perkara yang bertentangan pula apabila seseorang yang mempunyai posisi tertentu menghukum orang lain dengan sewenang-wenangnya. Keadilan adalah manifestasi dari gabungan hikmah, keberanian, serta rasa bersederhana dalam melakukan sesuatu merupakan kemuncak kebaikan dalam tingkahlaku. Manusia yang adil adalah mereka yang bijaksana, dan sama juga manusia yang bijak adalah mereka yang mempunyai komitmen terhadap keadilan (Ibn Miskawayh, 1977). Sudah tentu manusia yang adil adalah manusia yang bahagia.

Kesannya, implementasi keadilan dalam kehidupan bermasyarakat dapat membentuk masyarakat hidup sejahtera dan membawa masyarakat mencapai kebahagiaan selaras dengan tuntutan Ibn Miskawayh (Ansari, 1964). Selain itu, keberanian juga, adalah titik tengah di antara dua keburukan iaitu pengecut dan terburu-buru. Dua sifat buruk tersebut jelas berpunca dari perasaan takut, sama ada ketakutan yang melampau atau tidak ada perasaan takut langsung sehingga timbul perasaan berani yang membuta-tuli. Tidak dinafikan, akhirnya keseluruhan kebaikan tersebut hanya diketahui melalui dikotomi yang bertentangan sahaja seperti keadilan lawan kezaliman, keberanian lawan ketakutan dan kepandaian lawan kejahilan. Kesimpulannya, keadaan saling berlawanan tersebut bermula dengan dua keadaan yang perlu di jauhi oleh manusia iaitu usaha melenyapkan syahwat dan membiarkan syahwat menguasai akal.

Al-Ghazali, seperti Ibn Miskawayh, turut membahagikan kebaikan kepada empat keutamaan iaitu hikmah (al-hikmah), bersederhana dalam melakukan sesuatu (al-‘iffah), keberanian (al-shaja’ah) dan keadilan (al-‘adalah). Ini menunjukkan mereka bersetuju bahawa kebaikan mempunyai empat teras utama dalam mewujudkan kebahagiaan. Manakala sifat yang bertentangan dengan kebaikan tersebut adalah kejahilan (al-jahl), tidak bersederhana (al-sharh), pengecut (al-jabn) dan tidak adil (al-jur) (al-Ghazali, 1964). Di samping itu, al-Ghazali turut menyenaraikan kebaikan-kebaikan lain dalam empat kebaikan utama tersebut seperti kebijaksanaan (husn al-tadbir) dan pandangan yang benar (sawab al-zann) terkandung dalam hikmah, kemuliaan (karam) terkandung dalam keberanian, sabar (sabr) terkandung dalam sederhana. Manakala dalam membincangkan konsep keadilan, al-Ghazali membahagikannya kepada tiga: (al-Ghazali, 1968)

- a) Keadilan berpolitik iaitu menumpukan hubungan hak yang saksama di antara satu sama lain dalam sesebuah negara.
- b) Keadilan moral iaitu menumpukan hubungan jiwa dengan yang lainnya.

- c) Keadilan ekonomi yang mengambil berat mengenai peraturan yang saksama dalam sesuatu transaksi ekonomi.

Kebahagiaan yang sempurna menurut al-Ghazali terletak pada keseimbangan atau kesederhanaan dalam tiga asas kekuatan iaitu kekuatan nafsu marah, kekuatan nafsu berahi dan kekuatan ilmu pengetahuan. Ketiga-tiga kekuatan tersebut mestilah berjalan dengan sederhana. Kesannya, seseorang itu akan mendapat petunjuk jalan yang benar. Ini boleh dilakukan dengan cara mengawal ketiga-tiga kekuatan seperti berikut: (al-Ghazali, 2001)

- a) Nafsu marah jangan dibiarkan meledak sehingga merosakkan seseorang dan menyampaikannya kepada darjat bodoh. Nafsu marah apabila melampaui boleh menyebabkan seseorang mudah berkelahi dan membunuh. Namun apabila sejuk daripada had sewajarnya, seseorang itu akan hilang perasaan cemburu dan semangat dalam melakukan urusan agama dan dunia. Apabila bersifat sederhana, maka timbullah perasaan sabar dan bijaksana.
- b) Nafsu berahi jangan dibiarkan melampaui batas dan membinasakan seseorang. Apabila melampaui seseorang akan terjerumus dalam perbuatan keji, sebaliknya jika kurang dari had yang sepatutnya, seseorang itu akan menjadi lemah dan lembab. Tetapi apabila bersikap sederhana, maka timbullah sikap kesucian nafsu dan sifat tidak gelojoh.
- c) Ilmu Pengetahuan (Abul Quasem, 1975). Al-Ghazali tidak menerangkan bagaimana kekuatan ilmu pengetahuan harus bertindak. Namun dalam hal ini dapat difahami bahawa pencarian pengetahuan atau hikmah merupakan pencapaian tertinggi dalam kebahagiaan dan tidak memerlukan praktik kesederhanaan dalam mencari hikmah.

Justeru, prinsip kesederhanaan diketengahkan oleh al-Ghazali berfungsi bagi mengimbangi akhlak manusia dengan sikap sederhana dan tidak melampaui batas dalam semua aspek kehidupan kerana kebahagiaan yang dibina berlandaskan nafsu semata-mata adalah kebahagiaan yang sementara, manakala pengaruh luaran yang tidak menyeimbangkan yang bersifat material seperti wang, pangkat dan darjat yang hanya bersifat palsu harus dibendung untuk memberi laluan kepada kesuburan rohani dan 'aqliyyah (al-Ghazali, 1964).

5.5 Puncak Kebahagiaan Sempurna

Menurut Ibn Miskawayh, kemuncak kebahagiaan disebut sebagai al-sa'adah al-quswa. Manakala al-Ghazali pula menggambarkan kemuncak kebahagiaan sebagai al-sa'adah al-ukhrawiyyah dan ilm tariq al-akhirah. Berikut merupakan penjelasan rangkuman kaedah-kaedah Ibn Miskawayh dan al-Ghazali dalam mencapai kebahagiaan sempurna:

- a) Konsep keadilan sebagai asas kebahagiaan

Keadilan merupakan suatu keseimbangan dalam seluruh fakulti kejiwaan manusia sehingga tidak melebihi di antara satu sama lain (Ibn Miskawayh, 1977). Keutamaan yang hanya dapat dicapai apabila emosi dan syahwat dapat dikendalikan oleh pencarian al-hikmah. Rangkuman prinsip keadilan menurut Ibn Miskawayh dan al-Ghazali terdiri daripada tiga bahagian iaitu; Pertama, apa yang dilakukan oleh manusia terhadap Tuhannya. Konteks keadilan di sini bermaksud manusia wajib memenuhi dan melaksanakan segala kewajipan yang telah diperintah oleh Allah SWT menurut kadar kemampuannya. Konteks ini juga bermaksud keadilan dalam berpolitik iaitu keadilan dalam urusan kehidupan. Kedua, kewajipan sesama manusia dengan menunaikan hak kewajipan sesama manusia seperti menghormati ibu bapa, melaksanakan amanah dan bersikap adil dalam bersosial. Konteks ini boleh dikategorikan seperti dalam pembahagian al-Ghazali yang lepas

iaitu keadilan sosial. Ketiga, keadilan dalam ekonomi iaitu kewajipan manusia terhadap orang yang telah mendahului mereka dengan cara seperti melangsaikan hutang mereka yang telah mati dan melaksanakan wasiat mereka (al-Ghazali, 1964).

b) Hidayah dan ‘Inayah Allah SWT

Petunjuk (hidayah) dan pertolongan (‘inayah) merupakan aspek yang penting dalam usaha seseorang untuk mencapai kebahagiaan. Petunjuk dari Allah SWT membolehkan manusia membezakan di antara yang hak dan batil, baik dan buruk, serta mengetahui hakikat segala sesuatu yang tak dapat disingkap menerusi akal semata-mata (al-Ghazali, 1964). Hidayah merupakan sesuatu yang asas dalam prinsip akhlak al-Ghazali, di mana hidayah dapat membezakan di antara kebaikan dan kejahatan. Selain itu, hidayah akan menempatkan seseorang dalam kedudukan atau pencapaian yang tertinggi dalam pengetahuan dan perkara kebaikan. Hidayah juga berfungsi sebagai cahaya yang menerangi dan melimpahi dalam memberi petunjuk terhadap perkara yang tak dapat dicapai akal berdasarkan petunjuk Allah SWT yang dianggap sebagai cahaya (al-Ghazali, 1968).

c) Keutamaan daripada Allah SWT

Keutamanaan tersebut merupakan taufiq daripada Allah SWT iaitu petunjuk (hidayah), pimpinan (rushd), pembedahan (tasdid) dan sokongan (ta’yid) (al-Ghazali, 1964). Mengenai petunjuk (hidayah) telah diterangkan sebelum ini, pimpinan (rushd) pula merupakan takdir Tuhan yang membantu manusia untuk menuntun dalam mencapai tujuan utamanya, dengan memimpin dan menguatkan tekad ke arah jalan yang benar. Pembedahan (tasdid) adalah teguran dari Allah SWT yang dianggap sebagai ujian untuk melengkapi manusia dengan kesabaran. Sokongan (ta’yid) bantuan dari Allah SWT untuk memberi kekuatan kepada manusia dari segi bantuan dalaman yang berbentuk kerohanian (Majid, 1994).

d) Kasih sayang dan persahabatan

Bagi membentuk masyarakat yang bahagia, prinsip utama yang perlu dicapai adalah hubungan persahabatan. Persahabatan merupakan salah satu kasih sayang (mahabbah) yang melibatkan kelompok kecil di antara beberapa orang sehingga ke kelompok besar seperti kaum, etnik dan bangsa. Hubungan persahabatan bagi al-Ghazali mungkin boleh dibentuk melalui hubungan perkahwinan dan persaudaraan (al-Shafi’i et al., 2018). Ibn Miskawayh pula membahagikan persahabatan kepada tiga jenis. Pertama, persahabatan dalam kalangan orang muda yang didorong oleh keghairahan dan keberanian. Persahabatan seumpama ini mudah muncul dan hilang. Kedua, persahabatan dalam kalangan dewasa lantaran wujudnya manfaat bersama atau harapan antara satu sama lain. Persahabatan jenis ini cepat muncul dan lambat hilang berbanding yang pertama. Manakala ketiga, persahabatan dalam kalangan orang yang berakhlak mulia yang wujud demi kebaikan bersama dan didorong untuk saling melakukan kebaikan antara satu sama lain. Persahabatan begini lebih panjang sifatnya dan berkekalan. (Ibn Miskawayh, 1977).

e) Kelebihan dan kebahagiaan jasmani

Ia merupakan salah satu alat yang akan membantu manusia memperoleh kebahagiaan yang hakiki. Dalam hal ini termasuklah perkara kesihatan dan kekuatan tubuh, kesenangan dan keselesaan hidup. (Ibn Miskawayh, 1977). Ini merupakan faktor luaran yang menyumbang kepada kebahagiaan. Kecantikan dan kekuatan tubuh mempengaruhi psikologi seseorang untuk terus berasa yakin menghadapi apa jua keadaan.

f) Nilai kecintaan

Kecintaan (mahabbah) merupakan satu fitrah dan naluri dalam diri manusia. Cinta yang agung merupakan cinta Ilahi yang menjadi impian setiap manusia. Mereka yang berjaya mencapai cinta Ilahi berkemampuan untuk menyatukan diri dengan Tuhan. Bagi Nasir (2016), cinta dan persahabatan bagi Ibn Miskawayh didorong oleh keseronokan, seperti berlaku dalam kalangan orang muda. Cinta dan persahabatan mudah dijalin dan dibentuk serta dapat diputuskan dengan cepat. Namun Ibn Miskawayh menerangkan jenis cinta dan persahabatan iaitu memberi keseronokan, bermanfaat dan baik. Contohnya seperti berlaku antara lelaki dan wanita, suami isteri, penyanyi dan pendengar dan lain-lain yang serupa dengan mereka. Tempoh cinta ini dan sebahagian besarnya persahabatan bergantung pada sejauh mana kebaikan terlibat. Sekiranya kebaikan adalah penyebab utamanya, ia akan bertahan, dan jika sebaliknya, ia akan berhenti. Menurut Ibn Miskawayh wujud beberapa jenis cinta antaranya ialah: (Ibn Miskawayh, 1977)

1. Cinta yang mudah dibina namun mudah berakhir.
2. Cinta yang mudah dibina dan bertahan lama.
3. Cinta yang susah bermula dan mudah berakhir.
4. Cinta yang susah bermula dan bertahan lama. Cinta ini merupakan kemuncak bagi semua kecintaan. Ini kerana cinta ini didorong oleh faktor kebaikan.

6.0 KESIMPULAN

Kebahagiaan yang sebenar dapat dicapai bukan hanya dengan fizikal, tetapi turut melibatkan kepuasan jiwa dan rohani. Kebahagiaan bukan sahaja dapat dicapai di dunia, malah kebahagiaan yang tertinggi adalah kebahagiaan di akhirat. Walaupun setiap manusia berbeza pandangan mengenai makna dan cara mencapai kebahagiaan, konsep kebahagiaan yang dibincangkan Ibn Miskawayh dan al-Ghazali dapat dipraktikkan selaras dengan ajaran Islam. Ibn Miskawayh dan al-Ghazali setuju bahawa kemuncak kebahagiaan ialah kebahagiaan di akhirat. Mereka juga bersetuju untuk mencapai kebahagiaan perlulah mengamalkan kesederhanaan dalam setiap perkara, di samping peranan akal dan jiwa dalam mencari kebahagiaan. Namun Ibn Miskawayh lebih menekankan aspek keadilan dalam kesederhanaannya bagi mencapai kebahagiaan. Manakala al-Ghazali dalam kesederhanaannya menekankan pengawalan ketiga kekuatan iaitu nafsu marah, nafsu berahi dan ilmu pengetahuan dalam mencapai kebahagiaan.

Rujukan

- Afridi, M.R.K et. al. (2007). *History of Islamic Philosophy*. New Delhi: Pentagon Press.
- Abul Quasem, Muhammad. (1975). *Al-Ghazali's Conception of Happiness*. *Arabica* 22, 153-161.
- Al-Ghazali, Abu Hamid (1964). *Mizan al-'Amal*. Misr: Dar al-Ma`arif.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (1968). *Ihya' Ulum al-Din*. Kaherah: Mu'assasah al-Halabi, 1968.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (2001). *Kimiya-i-Sa'adat*. Lahore: Kazi Publications.
- Al-Shafi'i, M. M. O., Ali, M. S., Zin, E. I. E. W., & Thoarlim, A. (2018). *Al-Akhlaq (Ethics) Perceptions in Islam: A Textual Interpretation through Imam Muhammad Al-Ghazali*. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8 (10), 315–329.
- Ansari, Abdul Haq. (1963). *Miskawayh's Conception of Sa'adah*. *Islamic Studies* 2 (3), 317-335.
- Ansari, Abdul Haq. (1964). *The Ethical philosophy of Miskawaih*. Aligarh, India: Aligarh Muslim University Press.

- Aristotle. 1962. *Nicomachean Ethics*. USA: Bobbs-Merill.
- Ernita Dewi. (2018). An Integrative Relationship among Happiness, Virtue and Love According to Miskawayh's Thought. *IOSR Journal Of Humanities And Social Science* 6 (8), 51-60.
- Ibn Miskawayh. (1968). The refinement of character. A translation from the Arabic of Ahmad ibn-Muhammad Miskawayh's *Tahdhib al-akhlaq*, by Constantine K. Zurayk. Beirut: American University of Beirut.
- Ibn Miskawayh. (1977). *Tahdhib al-Akhlaq*. Beirut: Dar Maktabah al-Hayat.
- Majid Fakhry. (1994). *Ethical Theories in Islam*. Leiden: Brill.
- Mohd Nasir Omar. (2003). Christian and Muslim Ethics: a Study How To Attain Happiness as Reflected in the Works on *Tahdhib al-Akhlaq* by Yahya ibn 'Adi (d.974) and Miskawayh (d.1030). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nasir Omar. (2016). Islamic Social Ethics: An Analysis of Miskawayh's Thought. *European Journal of Multidisciplinary Studies* 1 (1), 81-87.
- Mohd Nasir Omar. (2018). The Soul (al-Nafs) and Its Effects On Character: An Analysis of the Thought of the Great Muslim Moralist, Miskawayh (D.1030). *Science International*. 30 (1), 53-57.
- Othman, M.S. et al., (2017). The Concept of Human Desire in Al-Ghazali's Perspective. *Pertanika Journal Social Sciences & Humanities*. 25 (S), 13 – 22
- Radez, J.P. (2019). *Ibn Miskawayh, the Soul, and the Pursuit of Happiness: The Truly Happy Sage*. Lanham: Lexington Books.
- Rania Shah, R. (2015). Saint Thomas and Imam al-Ghazali on the Attainment of Happiness. *The International Journal of Religion and Spirituality in Society* 6 (2), 15-29.
- Usep Mohamad Ishaq. (2020). Konsep Kebahagiaan Menurut Ibn al-Haytham. *ISLAMICA: Jurnal Studi Keislaman* 14 (2), 269-290.
- Wan Mohd Azam Mohd Amin, Masitoh Ahmad, Adibah Abdul Rahim. (2018). Islamic Spirituality and Its Impact on Life as a Muslim. *Al-Itqan* 1, 63-78.